

# Timba ilmu pengetahuan

► 300 pelajar akhir FPEP hadiri ceramah Future Career Tour & Industrial Training



## DARI KAMPUS

**KOTA KINABALU:** Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP) dengan kerjasama Ernest & Young menganjurkan sebuah program khususnya kepada pelajar tahun akhir FPEP iaitu Future Career Tour & Industrial Training Talk baru-baru ini.

Program ini diadakan di Dewan Kuliah Pusat 1, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan menghimpuinkan seramai lebih kurang 300 orang pelajar tahun akhir FPEP dalam



**SESI** bergambar bersama-sama dengan dekan semasa program berkenaan.

usaha memberi pendedahan persiapan menghadapi dunia luar khususnya apabila menjalani latihan industri atau mencari pekerjaan kelak.

Menurut Dekan FPEP, UMS Prof Madya Dr Raman Noordin, program seumpama ini adalah satu program

yang baik dan bermanfaat khususnya kepada pelajar tahun akhir fakulti dalam usaha memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman bila mana berada di luar kelak.

Pendedahan awal seperti teknik penulisan resume,

persediaan menghadiri temuduga dan lain-lain agak penting bagi membantu mereka kelak di luar sana.

Pengarah Program Hayu Eka Mutamin berkata program ini dilihat sebagai suatu program yang mempunyai impak yang

baik bukan sahaja kepada peserta program tetapi juga kepada jawatankuasa pelaksana khususnya dalam membentuk jalinan kerjasama dengan salah sebuah firma perkhidmatan profesional multinasional di dunia.

Di samping itu, terdapat beberapa tapak pameran khususnya wakil daripada beberapa syarikat bertujuan memenuhi keperluan menjalani latihan industri dan peluang perkerjaan.

Program ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah Dr Arif@ Kamisan Pusiran, wakil dari Ernst & Young Judy Lim, Ketua Koordinator Latihan Industri FPEP Dr Debrah Toria Anak Nipo, barisan pensyarah, wakil syarikat dari Public Mutual Berhad, CIMB Wealth Advisors Bhd, Al Quds Travel, pensyarah dan pelajar FPEP, UMS.